



HASiL

# KENYATAAN MEDIA

SIARAN SEGERA

HASiL/2023/04/26 - 36

## TARIKH AKHIR MENGEMUKAKAN BORANG NYATA BAGI PEMBAYAR CUKAI YANG TIDAK MENJALANKAN PERNIAGAAN

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa tarikh akhir pengemukaan **Borang Nyata (BN) Tahun Taksiran 2022 (TT 2022)** bagi pembayar cukai yang tidak menjalankan perniagaan ialah seperti yang berikut:

Jenis Borang	Kategori Pembayar Cukai	Tarikh Akhir Pengemukaan BN TT 2022	
		Manual	e-Filing
BE	Individu Pemastautin	30 April 2023	15 Mei 2023
BT	Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran)		
M	Individu Bukan Pemastautin		
MT	Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan)		
TF	Pertubuhan		
TP	Harta Pusaka		
TJ	Keluarga Sekutu Hindu		

2. Sebagai panduan berkenaan pengemukaan BN, pembayar cukai boleh merujuk kepada Program Memfail BN bagi tahun 2023 yang boleh diakses dan dimuat turun menerusi pautan yang berikut:
  - i. Bahasa Melayu:  
<https://www.hasil.gov.my/media/lq5fu3zd/20230324-program-memfail-borang-nyata-bn-bagi-tahun-2023.pdf>
  - ii. Bahasa Inggeris:  
<https://www.hasil.gov.my/media/wm2oviph/20230324-return-form-filing-programme-for-the-year-2023.pdf>
3. Pembayar cukai adalah disarankan untuk mengemukakan BN dan membayar baki cukai pendapatan mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang penalti dan kenaikan cukai dikenakan. Pembayar cukai juga dinasihatkan untuk mengisi maklumat diri dan perbankan yang tepat serta terkini bagi membantu kelancaran proses bayaran balik cukai (sekiranya ada).
4. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada kami melalui:
  - a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
  - b) HASiL Live Chat; dan
  - c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas  
<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/public>.

# # #

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 26 Apr 2023**

